# Yunit khas akan kawal klas2 pertahan diri di sini

SEBUAH Yunit Mengawal Seni Mempertahankan Diri akan ditubuhkan dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, bagi mempastikan bahawa klas-klas tae kwon do, karate dan lain-lain jenis seni silat tidak disalahgunakan oleh kumpulan-kumpulan haram.

27 FEB 1973

Tujuan untuk menubuhkan yunit tersebut telah disebut oleh Menteri Kewangan, Encik Hon Sui Sen, dalam anggaran belanjawan bagi tahun kewangan 1973-1974 yang dibentangkan dalam Parlimen hari ini.

Dalam menerangkan estimet utama dia berkata bahawa penubuhan yunit serupa itu bertujuan untuk menjamin agar kawalan dan pendaftaran yang betul meliputi seluruh guru dan murid-murid seni mempertahankan diri, bagi mengelakkan ia memberi kemudahan kepada kumpulan-kumpulan haram.

Yunit itu akan dikendalikan oleh tujuh orang pegawai.

Sejak akhir-akhir ini polis begitu tertarik kepada pergaduhan-pergaduhan yang ganas dengan menunjukkan kebolehan seni silat mempertahankan diri masing-masing.

## Pergaduhan

Dalam penyiasatan polis membuktikan bahawa dua orang yang mahir dalam seni mempertahankan diri menjadi tulang belakang dalam pergaduhan disebuah diskotik di kawasan Tanglin baru-baru ini.

Klab-klab seni silat telah tumbuh seperti cendawan serentak dengan kempen peringkat nasional mengenai 'masyarakat tahan lasak' dan juga ekoran dari munculnya filem-filem ganas ke Repablik ini.

## *KUMPULAN JAHAT SELUDUP MASUK*

Nyatalah segulungan orang-orang jahat menyeludup masuk ke klab-klab tersebut, dan ini telah juga diketahui sejak beberapa waktu lalu.

Klab-klab yang bersangkutan telah juga diberitahu supaya lebih berhati-hati terhadap pemilihan murid-murid mereka dan kegiatan mereka yang dilakukan.

Tentulah Yunit yang akan ditubuhkan nanti akan mendapat bantuan yang baik dari Yunit Perisik Jenayah CID yang baru.

Yunit yang akan mempunyai kakitangan seramai 20 orang itu akan bertanggungjawab ke atas mendapatkan maklumat-maklumat kumpulan haram dan penjenayah perniagaan.

Sebuah lagi yunit yang akan ditubuhkan dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, ialah Yunit Penyelidikan dan Statistik, yang mempunyai tujuh orang kakitangan.

Anggaran belanjawan utama memberikan 253 jawatan baru, termasuk 20 jawatan jurulatih kanan di dalam Pasukan Pengawas bagi melaksanakan rancangan Pertahanan Rakyat yang baru dan 14 jawatan bagi Biro Narkotik Pusat yang mengawal pengedaran madat.

Untuk penubuhan tiga yunit baru itu, serta keperluan-keperluan lain bagi kegunaan polis dan membeli yunifom baru bagi anggota-anggota perkhidmatan negara yang akan ditempatkan dalam pasukan pertahanan rakyat adalah merupakan satu tambahan perbelanjaan Pemerintah sejumlah $12.39 juta.